

PELAWAAN SEBUT HARGA

1. Tawaran adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor **Bumiputera Negeri Selangor sahaja** yang berdaftar dengan Bahagian Pembangunan Kontraktor Dan Usahawan (BPKU), Lembaga Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) yang masih sah tempohnya dalam gred, kategori dan pengkhususan berkaitan untuk mengemukakan sebut harga seperti berikut:

No. Sebut Harga	Tajuk	Kelayakan	Tarikh Sebut Harga Dibuka	Tarikh Sebut Harga Ditutup
8/2019	Kerja-Kerja <i>Dismantle Dan Membaik Pulih</i> Kepada Keadaan Asal Ruang Pejabat Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) Di Tingkat M2B, 1B, 8A, 13A, 14A dan 14B Menara PKNS-PJ	<p>(i) Kontraktor Bumiputera Negeri Selangor sahaja</p> <p>(ii) Kontraktor hendaklah mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) yang sah dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB);</p> <p>(iii) Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) yang sah dalam Gred G2:</p> <p>(a) Kategori Bangunan (B) dan Pengkhususan:</p> <p>(1) B04 – Kerja –Kerja Pembinaan Bangunan; dan</p> <p>(2) B28 – Kerja-Kerja Ubahsuai.</p> <p>(iv) Sijil Taraf Bumiputera (STB) yang sah dengan Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan (BPKU).</p>	2 April 2019 (Selasa)	10 April 2019 (Rabu), Jam 12.00 tengahari

2. Pembekal yang berminat untuk menyertai sebut harga ini **wajib** untuk menghadiri **taklimat sebut harga** ini.

3. Taklimat sebut harga akan diadakan pada:

Tarikh : 1 April 2019 (Isnin)
Masa : 10.00 pagi
Tempat : Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)
Tingkat 14B, Menara PKNS-PJ
No. 17, Jalan Yong Shook Lin
46050 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan.

Mohon bawa bersama borang Senarai Semak Pelawaan Sebut Harga yang telah dilengkapkan semasa hadir taklimat. Senarai Semak Pelawaan Sebut Harga ini boleh dicetak menerusi portal MQA www.mqa.gov.my

4. **Dokumen sebut harga akan dikeluarkan kepada wakil syarikat yang sah sahaja.** Untuk maksud ini, **wakil syarikat dikehendaki membawa perakuan/sijil asal dan satu salinan yang masih dalam tempoh sah laku semasa hadir taklimat** seperti yang disenaraikan di bawah:

No. Sebut Harga	Tajuk	Sijil-sijil
8/2019	Kerja-Kerja <i>Dismantle Dan</i> Membaik Pulih Kepada Keadaan Asal Ruang Pejabat Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) Di Tingkat M2B, 1B, 8A,13A, 14A dan 14B Menara PKNS- PJ	(i) Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) yang sah dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) (jika berkenaan); (ii) Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) (jika berkenaan); (iii) Sijil Taraf Bumiputera (STB) (jika berkenaan); (iv) Perakuan Pendaftaran Syarikat dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM); dan (v) profail syarikat.

5. Dokumen sebut harga yang telah dilengkapkan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan dituliskan di bahagian atas sebelah kiri sampul surat berkenaan tajuk sebut harga dan nombor sebut harga. Tawaran tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam peti sebut harga yang disediakan:

Tarikh : 10 April 2019 (Rabu)
Masa : sebelum 12.00 tengahari
Tempat : Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)
Lobi, Mercu MQA
No. 3539, Jalan Teknokrat 7, Cyber 5
63000 Cyberjaya, Selangor

6. Tawaran sebut harga yang diterima selepas tarikh dan masa tutup pelawaan tidak akan dipertimbangkan.
7. **Pembekal dikehendaki membaca dan memahami keseluruhan butiran dokumen sebut harga** sebelum mengemukakan tawaran dan menjadi tanggungjawab pembekal untuk mendapatkan penjelasan daripada pihak MQA.
8. Pegawai MQA atau ahli keluarga atau saudara terdekat mereka adalah dilarang daripada menyertai sebut harga ini. Pembekal yang menyertai tawaran ini hendaklah memastikan tidak mempunyai kepentingan atau pertalian keluarga terdekat dengan pegawai MQA.
9. Keputusan sebut harga adalah MUKTAMAD dan sebarang surat-menyurat tidak akan dilayan.
10. Sekiranya pihak tuan tidak menerima sebarang maklum balas daripada pihak MQA dalam tempoh 45 hari dari tarikh tawaran ini ditutup, permohonan tuan dianggap tidak berjaya.